

17/01/2001

Sikap suka menuding jari mesti diketepikan

Mohd Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Selasa - Peniaga kecil Melayu dinasihatkan supaya mengikis sikap suka menuding jari dan menyalahkan orang lain apabila gagal dalam bidang yang diceburi.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, sikap itu akan hanya menyebabkan golongan itu menjadi lemah, sekali gus gagal dalam perniagaan.

"Selama ini kementerian sudah banyak membantu peniaga kecil Melayu, namun masih terdapat kekurangan dan belum berada pada tahap pencapaian yang memuaskan.

"Justeru, usahawan Bumiputera perlu menilai diri sendiri bagi mengelak kejadian seumpama itu berulang," katanya pada Majlis Salam Aidilfitri di Auditorium Mara di sini, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengingatkan usahawan kecil Melayu supaya menilai punca sebenar kegagalan mereka dalam perniagaan dan bukan menyalahkan orang lain termasuk kerajaan.

Perdana Menteri berkata, penilaian dan mengenal pasti kelemahan untuk diatasi perlu bagi membolehkan mereka mencapai kejayaan.

Katanya, kebanyakan usahawan atau peniaga Bumiputera sering menyalahkan pihak lain termasuk kerajaan apabila gagal dalam perniagaan atau tidak dapat bersaing dengan peniaga bangsa lain.

Mengulas perkara itu, Nazri berkata, kementerian sudah memberi pinjaman kepada usahawan Bumiputera, seperti menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (Tekun) bagi mengelak mereka dicengkam ceta haram yang mengenakan kadar faedah tinggi.

Beliau berkata, peniaga kecil yang membuat pinjaman RM5,000 dan mempunyai rekod pembayaran cemerlang juga diberi peluang membuat pinjaman sebanyak RM10,000 lagi.

Selain itu, jaminan usahawan kecil (SJUK) yang memberi pinjaman sehingga RM50,000, turut memberi peluang peniaga kecil Melayu untuk memperluaskan perniagaan.

"Kerajaan juga menyediakan tempat perniagaan strategik dan peruntukan skim latihan pengurusan kepada usahawan kecil.

"Apa yang penting ialah semangat juang mereka dalam dunia perniagaan kerana perjuangan itu mengambil masa untuk bersaing dengan masyarakat lain," katanya.

Mengenai usahawan Bumiputera yang sering mencari jalan mudah untuk mengaut keuntungan segera, Nazri berkata, sikap itu sepatutnya dielakkan dan usahawan perlu bersabar mengejar cita-cita.

Beliau turut mengingatkan kakitangan Mara supaya mengekal serta mempertingkatkan budaya kerja berikutan tugas mereka yang berdepan dengan orang ramai.

"Kerjaya mereka dinilai masyarakat. Oleh sebab itu, mereka bertanggungjawab menjalankan tugas membantu orang ramai.

"Sehingga kini, saya berpuas hati dengan mutu kerja yang ditunjukkan kakitangan Mara dan tiada laporan buruk mengenai mereka," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Datuk Syed Amin Al-Jeffri berkata, usahawan sepatutnya mencerminkan diri terlebih dahulu sebelum menyalahkan orang lain.

"Saya berharap usahawan Melayu dan Bumiputera dapat meningkatkan cara kerja, membaiki kelemahan diri untuk mengelakkan kesilapan berulang.

"Bukan itu saja, saya harap mereka tidak leka dengan tindakan sendiri

selain memajukan diri dalam pelbagai bidang dan membuat perancangan yang baik supaya tidak terjerat dengan kemelut perniagaan," katanya ketika dihubungi di sini.

Syed Amin berkata, pihaknya sentiasa memberi bantuan kepada usahawan untuk mencapai kemajuan dalam perniagaan.

"Kami sedia membantu usahawan yang mengalami masalah, contohnya membuat pinjaman dan permohonan lain," katanya.

(END)